

Kursus Induksi Pegawai / Kakitangan Yang Baru Berkhidmat Di Jabatan Penerangan Tahun 2005-2009

Bahagian Pengurusan, Perkembangan Kapasiti dan Tugas-tugas Khas telah menganjurkan Kursus Induksi bagi seramai 38 orang pegawai dan kakitangan jabatan pada 6 hingga 11 Julai, bertempat di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar.

Kursus lima hari itu menumpukan kumpulan sasaran pegawai dan kakitangan Bahagian III, IV dan V dari keempat-empat daerah yang mula berkhidmat pada tahun 2005 hingga 2009, iaitu mereka yang belum pernah berkhidmat di mana-mana kementerian/jabatan kerajaan.

Pada hari pertama kursus, para peserta telah diberikan taklimat mengenai Tabung Amanah Pekerja (TAP) dengan tajuk 'TAP dan Perancangan Kewangan' telah disampaikan oleh Dayang Hajah Raeidayah binti Haji Bujang, manakala taklimat mengenai Hongkong and Shanghai Banking Corporation (HSBC) telah disampaikan oleh Dayang Hajah Asmahdi binti Haji Ramlee.

Manakala pada hari kedua, para peserta telah diberikan taklimat 'Kerahsiaan dan Keselamatan Kerajaan' oleh Dayang Hajah Nilawati binti Haji Abdul Halim dari Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan 'Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam' disampaikan oleh Pengiran Haji Mohd. Ali Noor bin Pengiran Haji Ismail, Pegawai Latihan Institut Perkhidmatan Awam.

Para peserta juga telah dibawa melawat ke cawangan jabatan di Daerah Belait pada 8 Julai dan Cawangan Penerangan Daerah Temburong pada 9 Julai, di samping diberikan taklimat secara berjadual oleh Ketua-ketua Bahagian Jabatan Penerangan sepanjang menghadiri kursus tersebut.



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi menyempurnakan penyampaian sijil kepada salah seorang peserta kursus.

Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong telah berkesudian menyampaikan sijil kepada para peserta di hari terakhir kursus semasa Majlis Penutup Kursus Induksi.

Kursus ini diharapkan telah memenuhi objektifnya iaitu agar para

peserta mengetahui dan memahami sistem pentadbiran jabatan/ kerajaan, mematuhi peraturan-peraturan am, undang-undang dan akta-akta keselamatan, pencegahan rasuah dan penyalahgunaan dadah, di samping menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh jujur, amanah dan berkesan.



Sebahagian daripada peserta yang mengikuti Kursus Induksi Pegawai / Kakitangan Yang Baru Berkhidmat di Jabatan Penerangan Tahun 2005 -2009.

Sidang Redaksi

Penasihat

Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong

Ketua Pengarang

Hajah Noorashidah Haji Aliomar
Sastra Sarini Haji Julaini

Ahli Sidang Pengarang

Noriah Haji Abdul Hamid
Hajah Noorhijrah Haji Idris
Hajah Zaianit Haji Noorkhan
Aidah Hidop
Hajah Apsah Haji Sahdan

Penyumbang Berita

Ismalee Haji Abdul Rahman
Hajah Norpisah Md. Salleh
Asnah Haji Diwa
Bahagian-bahagian
Cawangan Daerah-daerah

Penyemak

Hajah Norpisah Md. Salleh

Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd. Noor

Fotografi

Bahagian Fotografi

&

Audio Visual

Bahagian Perhubungan Awam

Bahagian Berita Inggeris

&

Media IT

Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad

Reka Letak

Hajah Apsah Haji Sahdan

Sekapur Sirih

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Bulan ini merupakan antara bulan yang bersejarah bagi semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kerana setiap menjelang 15 Julai, kita semua meraikan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Jabatan Penerangan seperti lazimnya akan turut sama memberigakan hari bersejarah itu dengan penerbitan poster, penulisan rencana khas dalam akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei dan memantau pergerakan media yang akan membuat liputan sepanjang perayaan tersebut.

Bagaimanapun oleh kerana negara turut dilanda wabak Influenza A H1N1, acara-acara sambutan dan keraian sempena Hari Keputeraan baginda pada tahun ini adalah ditangguhkan terkecuali bagi Majlis Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Yaa-siin dan Doa Kesyukuran serta Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah di Jame' 'Asr Hassanil Bolkih di Kampong Kiarong pada 14 Julai.

Bagi menangani wabak Influenza A H1N1, jabatan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan membuka Pusat Media untuk sama-sama menangani liputan-liputan berita mengenai Influenza A H1N1. Usaha-usaha seperti ini memang sering dipraktikkan oleh jabatan dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan melalui kerjasama sedemikian telah meningkatkan lagi hubungan yang lebih erat dengan semua agensi kerajaan. Jabatan juga telah memberikan kerjasama kepada Jabatan Perkhidmatan Elektrik melalui Bengkel Fotografi pada bulan ini yang bertujuan bukan sahaja untuk meningkatkan kemahiran para pegawai dan kakitangan, malah untuk menaikkan imej jabatan.

Pada bulan ini juga telah diadakan Kursus Induksi bagi para pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat di Jabatan Penerangan. Melalui kursus ini diharapkan dapat memberikan pengetahuan yang lebih mendalam kepada para peserta mengenai fungsi jabatan agar mereka mengetahui mengenai organisasi tempat mereka bertugas dan kementerian/jabatan kerajaan yang lain. Oleh yang demikian mereka mempunyai keyakinan yang tinggi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing sesuai dengan tugas yang diamanahkan.

Kepada yang baru berkhidmat di Jabatan Penerangan, diucapkan Selamat Datang dan sentiasalah ingat agar menjalankan tugas dengan ikhlas dan amanah selaku warga Perkhidmatan Awam agar kita semua dapat menani kepercayaan yang diberikan kepada masing-masing kitani dengan penuh keyakinan dan bertanggungjawab.

Sekian. Wassalam.

DR. MUHAMMAD HADI BIN MUHAMMAD MELAYONG
Pengarah Penerangan

Isi Kandungan

- Kursus Induksi Pegawai/Kakitangan Yang Baru Berkhidmat Di Jabatan Penerangan Tahun 2005 - 2009 1
- Bengkel Fotografi Jabatan Perkhidmatan Elektrik
- Pegawai dan Kakitangan Yang Berkursus Pada Bulan Julai 3
- Majlis Pelancaran Kempen Mengibar Bendera Negara Di Keempat-empat Daerah 4 - 5
- Taklimat Mengenai Seminar 'Usage of ICT To Promote ASEAN Spirit'
- Mesyuarat ASEAN-COCI di Manila 6
- MRO Bertugas
- Pusat Media Influenza A H1N1
- Pusat Media Ekspo Produk Halal Antarabangsa 2009 7
- Tahniah
- Pegawai Dinaikkan Pangkat
- Selamat Hari Lahir 8

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2381997.

Atau e-mel terus ke wartapenerangan@gmail.com

Layarilah laman web PELITA BRUNEI melalui:
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>
E-mail: pelita.brunei@information.gov.bn
Keluarnya setiap 2 kali seminggu (Rabu dan Sabtu).

Bengkel Fotografi Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Seramai 50 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan sembilan orang daripada Jabatan Penerangan telah mengikuti Bengkel Fotografi bermula pada 6 hingga 7 Julai 2009 bertempat di Dewan Serbaguna, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Bengkel yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Penerangan dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para peserta supaya mahir dalam menggunakan peralatan fotografi (kamera digital) sebagai alat untuk menyalurkan apa-apa jua maklumat, berita dan perkembangan / kemajuan organisasi berkenaan secara keseluruhannya untuk pengetahuan umum, di samping memperkembangkan hobi dan bakat yang sedia ada.

Bengkel ini juga akan dapat memberikan pengetahuan dan asas dalam bidang fotografi yang akan dapat digunakan dalam melaksanakan kerja-kerja seharian seperti kerja-kerja penerbitan *in-house newsletter*, pameran-pameran dan arkib jabatan yang memerlukan gambar-gambar berkualiti. Ini kerana setiap gambar yang dihasilkan akan dapat menceritakan seribu makna dan mesej yang akan disampaikan melalui gambar-gambar kepada orang ramai lebih jelas dan *credible*.

Bengkel dikendalikan oleh Awang Haji Mohd. Yussof bin Haji Md. Yassin, Ketua Bahagian Fotografi. Beliau telah memberikan penerangan



Ketua Bahagian Fotografi dan Audio Visual, Awang Haji Mohd. Yussof bin Haji Mohd. Yassin memberikan taklimat semasa bengkel tersebut.

dan tunjuk cara Pengambilan dan Pemilihan Gambar secara teori dan praktikal.

Pemangku Pengarah Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Awang Haji Umar bin Haji Md Tahir, telah menyampaikan sijil-sijil kursus dan hadiah-hadiah kepada peserta-peserta terbaik dalam tugas pengambilan gambar.



Sebahagian daripada peserta terdiri daripada beberapa pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.



Pegawai dan kakitangan yang berkursus pada bulan Julai

Nama Peserta	Kursus	Tempat	Tarikh
Mohd Suzawadeen bin Mohd Zaidi Nuruljannah binti Hassan	Kursus Induksi Perkhidmatan Bagi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan Yang Baru Berkhidmat	Institut Perkhidmatan Awam	6 - 11 Julai
Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi Haji Salleh bin Haji Yussof	Bengkel 'Dynamic Interpersonal and Leadership Skill' Basic Level	Bangunan Haji Othman, Lapangan Terbang Lama, Berakas.	21 -22 Julai
Azmah binti Haji Ahad Mastinah binti Malek Dona Azfina binti Ibrahim Muhammad Halime bin Haji Tajudin (bersama beberapa orang Pegawai Bomba)	Bengkel Fotografi Disampaikan oleh Haji Mohd Yussof bin Haji Mohd Yassin	Jabatan Bomba dan Penyelamat Perpindahan Lambak Kanan	21 -23 Julai
Haji Hassan bin Haji Mudin Haji Matjair bin Haji Mohd. Tahir	Kursus Perkeranian Asas	Institut Perkhidmatan Awam	21 -25 Julai

Majlis Pelancaran Kempen Mengibar Bendera Negara di keempat-empat daerah

Daerah Tutong

Majlis Pelancaran Kempen Mengibar Bendera Negara 2009 bagi Daerah Tutong anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Kiudang bertempat di Dewan Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampong Birau. Majlis berlangsung pada 29 Jun. Tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.



Bergambar ramai bersama Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Penyerahan Bendera Negara disempurnakan oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menyampaikan ucapan alu-aluan.



Daerah Brunei dan Muara

Majlis Pelancaran Kempen Mengibar Bendera Negara 2009 bagi Daerah Brunei dan Muara anjuran Jabatan Penerangan telah berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Kampong Peramu, Mukim Peramu. Majlis berlangsung pada 27 Jun. Tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Omar bin Haji Abdul Rahman.



Tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Omar bin Haji Abdul Rahman menyempurnakan pengagihan bendera.



Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Omar bin Haji Abdul Rahman bersama Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussof bin Bakar beramah mesra bersama Penghulu Mukim Peramu. Turut hadir Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.



Majlis juga diserikan dengan persembahan puisi oleh Dayangku Hajah Fatimah binti Pengiran Haji Md. Noor.

Daerah Belait

Majlis Pelancaran Kempen Mengibar Bendera Negara 2009 bagi Daerah Belait anjuran Jabatan Penerangan telah berlangsung pada 20 Jun bertempat di Dewan Pejabat Daerah Seria. Tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Osman bin Pengiran Haji Patra.



Antara jemputan yang hadir pada Majlis Kempen Mengibar Bendera Negara 2009 di Daerah Belait bersama tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Osman bin Pengiran Haji Patra .

Daerah Temburong

Majlis Pelancaran Kempen Mengibar Bendera Negara 2009 bagi Daerah Temburong anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Bangar bertempat di Kompleks Utama Kedai Bumiputera, Pekan Bangar, Daerah Temburong. Majlis berlangsung pada 25 Jun. Tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Sa Bali bin Abas.



Penyerahan Bendera Negara disempurnakan oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Sa Bali bin Abas.



Ahli-ahli Jawatankuasa bergambar ramai bersama Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.



Antara aktiviti-aktiviti menarik membabitkan belia-belia harapan negara yang diadakan sempena Majlis Pelancaran Kempen Mengibar Bendera Negara 2009 bagi Daerah Temburong bagi memeriahkan lagi majlis tersebut.



Taklimat Mengenai Seminar 'Usage of ICT To Promote ASEAN Spirit'

Taklimat mengenai Seminar 'Usage of ICT To Promote ASEAN Spirit' telah diadakan pada 3 Jun yang lalu bertempat di Bilik Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan. Taklimat telah dihadiri oleh Dr. Mataim bin Bakar, Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan ASEAN-COCI; Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengarah Penerangan selaku Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI; Dayang Mazinawati binti Haji Abdul Majid, Setiausaha Jawatankuasa Kebangsaan ASEAN-COCI dan beberapa orang pegawai Jabatan Penerangan.

Taklimat telah disampaikan oleh Dayang Mazriyani binti Haji Abd Ghani, Penganalisa Sistem Kanan, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri dan Dayang Rodziah binti Haji Yussof, Pengurus Bahagian Teknologi Maklumat, Telekom Brunei Berhad (Telbru). Turut menyampaikan taklimat ialah Dayangku Siti Nurani binti Pengiran Haji Tajudin dan Awang Chong Youn Bao, kedua-duanya mahasiswa/mahasiswi tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Komputer Sains dari

Fakulti Sains Universiti Brunei Darussalam. Mereka sebelumnya telah mengikuti Seminar mengenai 'Usage of ICT To Promote ASEAN Spirit Among ASEAN Youth' anjuran Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI, yang telah diadakan di Bangkok, Thailand bermula dari 17 hingga 20 Mac yang lalu.

Isi kandungan taklimat menumpukan perhatian kepada perancangan yang terperinci

dan padu dalam penggunaan teknologi infokomunikasi (ICT) dalam menyebarkan maklumat mengenai ASEAN di kalangan para belia ASEAN serta mengenal pasti strategi-strategi dan tatacara-tatacara yang berkesan dan terkini dalam penggunaan teknologi infokomunikasi sebagai satu metodologi ke arah mempromosikan ASEAN.

Sesi taklimat telah diakhiri dengan sesi soal jawab.



Ahli Jawatankuasa yang menghadiri taklimat mengenai Seminar 'Usage of ICT To Promote ASEAN Spirit' bergambar ramai bersama Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan ASEAN-COCI, Dr. Mataim bin Bakar.

Mesyuarat ASEAN-COCI Ke-44 di Republik Filipina

Seramai sembilan orang delegasi negara ini berlepas ke Tagaytay, Republik Filipina bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN (ASEAN-COCI) Ke-44 pada 1 hingga 3 Julai.

Delegasi diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan ASEAN-COCI Brunei Darussalam, Dr. Mataim bin Bakar disertai sama Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong; Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kebudayaan ASEAN-COCI, Dayang Hajah Norsham binti Haji Yahya serta Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dan Awang Adanan bin Haji Ibrahim, Penolong Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan; pegawai dari Jabatan Radio Televisyen Brunei, Jabatan Muzium-Muzium Brunei dan wakil dari Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Republik Filipina.



Rombongan Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat ASEAN-COCI Ke-44 di Republik Filipina bergambar ramai.

Mesyuarat yang diadakan selama tiga hari antaranya membincangkan mengenai projek dan aktiviti di bidang penerangan dan kebudayaan yang dijalankan, cadangan projek baru di bidang penerangan dan kebudayaan dan peruntukan kewangan bagi tahun 2009/2010.

Selain itu mesyuarat juga telah meneliti laporan Mesyuarat Kecil Kebudayaan ASEAN-COCI Ke-10 yang diadakan di Siem Reap, Kemboja

pada November 2008, meneliti laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI yang diadakan di Pampanga, Republik Filipina pada Januari 2009 serta meneliti dan membincangkan hubungan ASEAN dengan rakan dialog termasuk Australia, Kanada, China, Kesatuan Eropah, India, Jepun, Republik Korea, New Zealand, Russia, Amerika Syarikat dan ASEAN + 3.

Pegawai Penyelaras Media (MRO) yang bertugas pada bulan Julai

Pegawai Penghubung Media atau Media Relations Officer (MRO) di Bahagian Perkhidmatan Media adalah merupakan satu produk perkhidmatan Jabatan Penerangan yang bertugas mengawal selia, menyelaras serta memantau pergerakan media dalam acara-acara yang melibatkan keberangkatan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja yang lain.

MRO bertugas untuk memastikan liputan setiap majlis tertentu akan berjalan dengan teratur dan kemas serta mengikut peraturan dan

ketetapan yang sedia ada. Ia juga memastikan setiap pengamal media mematuhi etikaewartawanan, sama ada dari segi berpakaian dan liputan.

01 Julai	Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien.
13 Julai	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ke Mesyuarat Bencana di Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC).
14 Julai	Majlis Doa Kesyukuran Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-63.
19 Julai	Sambutan Israk dan Mikraj di Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah.
23 Julai	Sovereign Parade di Akademi Tentera Kampong Sungai Akar.
25 Julai	Majlis Mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Menteri Kanada di Istana Nurul Iman.
30 Julai	Perasmian Ekspo Produk Halal Antarabangsa di Pusat Persidangan Antarabangsa. Pusat Media di Ekspo Produk Halal Antarabangsa di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Jadual disediakan oleh: Bahagian Perkhidmatan Media

Pusat Media Influenza A H1N1

Jabatan Penerangan seperti lazimnya terlibat dalam mengendalikan Pusat Media bagi acara-acara peringkat nasional dan antarabangsa.

Jabatan Penerangan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan telah mengendalikan Pusat Media Influenza A H1N1 bertempat di Kementerian Kesihatan.

Antara peranan pusat media tersebut ialah bagi mengeluarkan sebarang notis/pengumuman dan siaran akhbar yang berkaitan dengan wabak Influenza A H1N1 kepada pihak media. Selain itu pusat media juga membantu bagi mengendalikan sebarang sidang akhbar dan *press interview* bersama para media yang berkenaan.

Pusat Media Ekspo Produk Halal Antarabangsa 2009 (IHPE)

Jabatan Penerangan seperti lazimnya terlibat lagi mengendalikan Pusat Media bagi acara-acara peringkat nasional dan antarabangsa.

Jabatan Penerangan telah dijemput oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi mengendalikan

Pusat Media Ekspo Produk Halal Antarabangsa 2009 (International Halal Product Expo 2009 - IHPE) yang bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas. Ekspo bermula pada 30 Julai sehingga 2 Ogos.

Antara peranan pusat media tersebut ialah bagi mengeluarkan

sebarang notis/pengumuman dan siaran akhbar yang berkaitan dengan ekspo berkenaan kepada pihak media. Selain itu pusat media juga membantu bagi mengendalikan sebarang sidang akhbar dan *press interview* bersama para peniaga yang terlibat di ekspo berkenaan.

Tahniah

Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah kepada Awang Haji Salleh bin Haji Yusof sempena perkahwinan anak beliau, Awang Muhammad Hafiz bin Haji Salleh dengan pasangannya, Dayang Noorfaizah binti Haji Mohammad Hatta pada 5 Julai.

&

Ucapan tahniah juga ditujukan kepada Pengiran Arsul bin Pengiran Abdul Momin dan isteri kerana telah selamat menerima kelahiran cahaya mata pertama seorang anak damit lelaki pada 6 Julai.

Pegawai yang dinaikkan pangkat

Awang Haji Ahmad bin Haji Salim dinaikkan pangkat sebagai Penolong Penyunting Tingkat II	29 Februari
Awang Bolhassan bin Haji Abu Bakar telah dinaikkan pangkat sebagai Penolong Penyunting Tingkat II	29 Februari
Awang Haji Masrin bin Baharin telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Luar Penerangan	11 Mei
Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad telah dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pegawai Penerangan	8 Julai

Kakitangan baru berkhidmat



Dayang Jorrani binti Haji Zainal
Jawatan: Pembantu Pegawai Luar Penerangan
Tarikh melapor: 11 Julai 2009

Selamat Hari Lahir

Awang Mahari bin Razali	5 Julai
Awang Azhar bin Ramli	5 Julai
Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir	9 Julai
Awang Haji Morni bin Haji Metali	12 Julai
Awang Dollah bin Kamis	12 Julai
Dayang Painah binti Paiman	14 Julai
Dayang Faezah Hayati binti Haji Abdul Rahman	15 Julai
Awang Haji Abdul Mumin bin Haji Madin	19 Julai
Awang Yunos bin Haji Jumat	22 Julai
Awang Yahya bin Haji Jumat	27 Julai
Awang Kassim bin Haji Abdul Rahman	31 Julai